

# EXPRESSION OF YOUTH

Oleh : Ben Anderson Anak Melai



“Expression of Youth” atau EX-Youth sekali lagi dalam proses menyelesaikan projek rakaman album baru selepas rakaman album yang pertama pada tahun 2006. Projek kali ini memuatkan tiga lagu baru dan tiga lagu lama hasil rakaman pertama yang telah diubah dalam versi baru. Projek kali ini bukan sekadar rakaman lagu tetapi turut memuatkan klip-klip video untuk tatapan penonton. Dengan

cara ini, pendengar akan lebih terhibur dan dapat memahami pengertian setiap lagu dengan lebih mudah.

Projek ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar dengan pengalaman sesi rakaman lagu dan video di mana pengalaman tersebut boleh digunakan untuk meningkatkan kemahiran dalam penggunaan media sebagai elemen penyampaian mesej positif kepada masyarakat diluar sana. Penghasilan lagu kali ini lebih menjurus kepada semangat jiwa muda dengan alunan muzik yang dekat di hati golongan muda pada masa kini. Dengan terhasilnya lagu-lagu ini, pelajar boleh menggunakan lagu ini dalam mana-mana aktiviti dan program yang mereka anjurkan di samping memperluaskan semangat ‘kebeliaan’ dikalangan belia pada hari ini.

Konsep lagu banyak mendorong para belia untuk lebih menghargai kehidupan sebagai belia yang berguna serta mengalakan belia berbakti kepada keluarga, masyarakat dan negara. Terdapat empat buah lagu berkonsepkan semangat patriotis belia dan peranan belia dalam masyarakat seperti Belia cemerlang, gemilang dan terbilang, Belia dan cita-cita, Ikatan belia, dan Kami belia. Lagu Through knowledge comes wisdom lebih menjelaskan peranan dan fungsi warga psikologi dan tajuk lagu ini di ambil sempena moto Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial. Lagu “Teristimewa” pula menjurus kepada penghargaan kepada individu tertentu tidak kira kekasih, ibubapa, rakan sebaya, dan sebagainya.

Pelajar-pelajar dari program Pembangunan Belia dan Komuniti banyak terlibat dalam penghasilan video ini. Di samping itu, penyanyi-penyanyi daripada album yang pertama turut serta menyumbangkan idea dan suara dalam rakaman ini iaitu Jepulson Julian dan Phresulia Philip. Selain itu, penyanyi-penyanyi yang berbakat besar daripada program Psikologi Kaunseling, Psikologi Industri dan Organisasi, Psikologi Kanak-kanak dan keluarga, dan Kerja Sosial turut serta menyumbangkan suara dalam rakaman kali ini seperti Ajoy, Zawawi, Danny, Liza, Dayang, Zulaika dan Sabrina. Penghargaan ditujukan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Semoga projek ini dapat mempertingkatkan semangat belia hari ini untuk lebih yakin dalam menempuhi



## AUDIO INFO

Pengaturcaraan muzik dan audio  
Ben Anderson

Lokasi rakaman audio  
Makmal Fisiologi, SPKS

## Audio software

Garageband (Apple) MacBook Pro

## Alat-alat

Keyboard – KORG Microarranger  
Gitar akustik – Ibanez  
Gitar elektrik – Epiphone Les Paul  
Gitar Bass – Cort Action series  
Drum – XM electdrum  
Mixer – Dynamic  
Condenser microphone- Samson C03

## VIDEO INFO

Videographers  
Adam Mujat  
Ben Anderson

## Video software

Imovie (Apple) MacBook Pro

## Alat-alat

DSLR camera  
Nikon D5100 dan D90

Maklumat lanjut, hubungi;  
019-8108866 (Ben Anderson)  
sben\_anderson@yahoo.com  
EXPRESSION OF YOUTH

